

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kajian, penelitian dan jangkaan masa keputusan daripada pihak KDN terhadap permohonan yang dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri pada 2019 bagi menghapuskan sekatan ke atas buku 'The Golden Son of the Kadazan' tulisan Bernard Sta Maria.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana jawapan yang telah dikemukakan terhadap pertanyaan Yang Berhormat pada sesi yang lepas, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil inisiatif membuat kajian dan penelitian semula terhadap penerbitan tersebut serta memperhalusi setiap aspek dari sudut keselamatan dan undang-undang selain turut melibatkan pakar-pakar dalam bidang berkaitan.

Kajian dan penelitian yang komprehensif ini adalah amat signifikan bagi memastikan setiap keputusan yang diambil adalah tepat dan apa yang lebih utama mendasari misi Kementerian dalam memastikan keselamatan dan keamanan negara terjamin.

Buat masa ini, Kementerian masih mengekalkan keputusan yang telah diputuskan sebelum ini sehingga satu keputusan baharu diambil.